Panduan Permohonan Untuk Rancangan Pengajian Siswazah USM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

INSTITUTE OF POSTGRADUATE STUDIES

A. Mengisi Borang Permohonan

1. Sila muat turun dan cetak borang permohonan dan lengkapkan kesemua bahagian atau mohon secara dalam talian di www.ips.usm.my.
2. Sila lengkapkan permohonan dalam **DUA (2) salinan sekiranya menggunakan borang.**
3. Satu set borang permohonan (2 salinan) dibenarkan untuk satu program sahaja. Jika anda ingin memohon untuk lebih daripada satu program, sila lengkapkan set borang permohonan yang lain dan ikut arahan panduan ini.
4. Jangan kembalikan panduan ini kepada kami. Ia untuk rujukan anda sahaja. Anda boleh sama ada memuat turun dan mencetak panduan ini atau membaca paparan skrinnya (softcopy) sebagai rujukan semasa mengisi borang permohonan.
5. Sila sertakan butiran-butiran berikut bersama-sama dengan permohonan yang lengkap diisi:
   i. Dua (2) salinan sijil ijazah/skrol yang disahkan/diperakukan **(satu [1] salinan bagi setiap permohonan).**
   ii. Dua (2) salinan transkrip akademik yang disahkan/diperakukan **(satu [1] salinan setiap permohonan).**
   iii. Dua (2) salinan asal sijil IELTS/TOEFL/MUET yang sah dalam tempoh setahun sebelum tarikh permohonan **(satu [1] salinan setiap permohonan).**
   iv. Dua (2) salinan cadangan penyelidikan yang mengandungi lebih kurang 300 perkataan untuk program mod penyelidikan sahaja **(satu [1] salinan setiap permohonan).**
   v. Dua (2) salinan kad pengenalan (Malaysia)/pasport (Antarabangsa) yang disahkan **(satu [1] salinan bagi setiap permohonan).**
   vi. Dua (2) salinan penyata bank atau surat jaminan kewangan yang disahkan/diperakukan dengan sah tarikh sebulan sebelum permohonan **(Calon Antarabangsa sahaja, satu [1] salinan bagi setiap permohonan).**
   vii. Empat (4) keping gambar berukuran pasport berlatar belakang biru **(dua [2] setiap permohonan).**
   viii. Yuran pemprosesan permohonan menggunakan draf bank, cek jurubank atau resit/bukti pembayaran, jika menggunakan pindahan telegraf (TT), kad kredit atau bayaran tunai di Kaunter Bendahari di USM. Permohonan tidak akan diproses sehingga yuran pemprosesan dijelaskan.
6. Laporan Pengadil perlu dilengkapkan oleh dua (2) Pengadil. Borang Laporan Pengadil boleh dimuat turun daripada bahagian yang sama dalam laman web yang anda memuat turun panduan ini. Pengadil anda mesti seorang staf akademik daripada universiti yang anda telah mendapat ijazah ataupun majikan anda **(setiap Pengadil hendaklah melengkapkan satu salinan satu salinan Borang Laporan Pengadil)**. Laporan ini adalah **SULIT**, sila pohon Pengadil anda untuk mengirimkan laporan yang lengkap diisi terus kepada alamat yang tertera di bawah halaman ini atau menghantarkan salinan imbasan kepada **dean_ips@usm.my** .

B. Kaedah Pembayaran Yuran Pemprosesan Permohonan

1. Semua permohonan untuk program siswazah di USM akan dikenakan bayaran **RM70** bagi pemohon Malaysia atau **RM130/USD35** bagi pemohon Antarabangsa untuk pemprosesan.
2. Permohonan tidak akan diproses sehingga yuran pemprosesan telah dijelaskan.
3. Yuran pemprosesan boleh dibuat melalui **pilihan-pilihan berikut**:

a) Draf Bank
Bayar kepada : UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Jumlah : **RM70** bagi pemohon Malaysia
atau **RM130/USD35** bagi pemohon Antarabangsa

b) Cek Jurubank
Bayar kepada : UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Jumlah : **RM70** bagi pemohon Malaysia
atau **RM130/USD35** bagi pemohon Antarabangsa

Perhatian: Sila pastikan jumlah "bayar kepada" adalah betul sebelum menyerahkannya bersama-sama dengan borang permohonan yang lengkap diisi. Kami tidak dapat memproses permohonan anda jika **draf bank/cek jurubank** itu tidak dapat diproses oleh bank kami.

c) Pindahan Telegraf (TT)
Nama Bank : **CIMB Bank Berhad (USM Branch)**
No. Akaun : **0709-0006-1910-51**
Swift Code (jika perlu untuk pindahan bank antarabangsa): CIBBMYKL
Jumlah : **RM70** bagi pemohon Malaysia
atau **RM130/USD35** bagi pemohon Antarabangsa

Perhatian: Sila pastikan jumlah dan semua butiran adalah betul apabila anda membuat pindahan wang di kaunter bank anda atau menggunakan bayaran melalui dalam talian. Serahkan bersama-sama dengan borang permohonan yang telah lengkap diisi bukti pembayaran atau resit daripada bank. Kami tidak dapat memproses permohonan anda jika draf bank itu tidak dapat diproses oleh bank kami.

d) Kad Kredit/Tunai
Pembayaran tunai atau melalui kad kredit (Visa dan Mastercard sahaja) diterima di Kaunter Bendahari, Bahagian Akaun Pelajar Siswazah yang terletak di Institut Pengajian Siswazah, USM.

Perhatian: Jangan mengirimkan wang tunai bersama-sama dengan permohonan anda. USM tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi sebarang kehilangan akibat pengiriman atau pengeposan. Sila nyatakan "yuran pemprosesan permohonan" semasa membuat pembayaran di kaunter dan lampirkan resit atau bukti pembayaran bersama-sama dengan permohonan yang lengkap diisi kepada kami.

C. Menyerahkan Borang Permohonan Anda Yang Lengkap Diisi

1. Sila pastikan bahawa anda telah membaca dengan teliti panduan permohonan ini dan senarai semak dalam borang permohonan.
2. Kirimkan melalui pos atau perkhidmatan **kurier** borang permohonan anda yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang dikehendaki dan yuran pemprosesan seperti dinyatakan dalam bahagian A, dan nyatakan di belakang sampul anda "**Kemasukan**" kepada:

a) Alamat untuk program di Kampus Induk :
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Sains Malaysia, 11800,
Pulau Pinang, Malaysia

b) Alamat untuk program di Kampus Kejuruteraan :
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan,
14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan,
Pulau Pinang, Malaysia

c) Alamat untuk program di Kampus Kesihatan :
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan,
16150, Kubang Kerian,
Kelantan, Malaysia

3. Hantarkan **dengan tangan** di kaunter-kaunter yang berkenaan di cawangan IPS yang dinyatakan dalam (a) dan (b) jika anda datang ke kampus kami. Sila ambil perhatian bahawa pegawai-pegawai yang bertugas tidak dapat menerima mana-mana borang yang tidak lengkap dan akan meminta anda melengkapkan semua butiran yang berkaitan semasa anda menyerahkan permohonan anda.

D. Terma dan Syarat Tambahan

1. Pihak Universiti mungkin mengendalikan satu Ujian Diagnostik, dan di mana terpakai, seorang pelajar itu boleh diperlukan untuk menghadiri kelas pemilihan bahasa Inggeris. Pemohon yang tidak memenuhi standard minimum ini mungkin diperlukan menarik diri daripada program yang berkaitan.
2. Pemohon antarabangsa yang telah mengikuti kursus pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di Malaysia mesti menyerahkan surat pengesahan daripada institusi pengajian berkenaan menyatakan penamatan pengajiannya, di alamatkan kepada Pengarah Imigresen , Pulau Pinang, Malaysia bagi tujuan imigresen dan visa pelajar.
3. Jika bukti kecekapan bahasa Inggeris diperlukan oleh sesuatu program ijazah, sila sertakan sijil kecekapan yang berkaitan (seperti TOEFL, IELTS, dan sebagainya). Calon-calon antarabangsa yang memohon program-program dalam Perubatan mesti mempunyai skor TOEFL sekurang-kurangnya 550 atau skor 6 dalam IELTS. Seseorang calon yang diterima tetapi tidak memenuhi syarat minimum ini mungkin diperlukan untuk mengikuti kursus intensif bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan di Kampus Utama USM.

E. Penafian

1. Semua maklumat yang disediakan dalam panduan ini adalah betul pada waktu ia dicetak.
2. Universiti Sains Malaysia (USM) tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan sebarang maklumat yang diperoleh daripada panduan ini.
3. Kelewatan perkhidmatan penghantaran/pengeposan/courier adalah di luar kawalan kami. USM tidak boleh dipertanggungjawabkan akibat kelewatan menerima permohonan anda yang boleh menyebabkan kelewatan dalam pemprosesan permohonan anda.

F. Hubungi kami

1. Sila semak **www.ips.usm.my** jika anda memerlukan maklumat lanjut. Kebanyakan daripada soalan atau keraguan anda dijelaskan dalam bahagian Soalan Lazim (FAQ) dalam laman web tersebut.
2. Sila emel kepada kami di **dean_ips@usm.my** jika anda masih tidak dapat mencari maklumat yang berkaitan.
3. Anda juga boleh menghubungi talian (0060) 4 653 2606 untuk bercakap dengan wakil IPS.
4. Permohonan anda akan diproses di Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Sains Malaysia (USM) yang berkenaan seperti di Seksyen C.

Terima kasih